

# **Dasar Luar Islam: Penyesuaian Antara Teori Fiqh Tradisional Dengan Tuntutan Semasa**

Mohd. Nasran Mohamad

## **Abstract**

*The central concern of this article is to review the concept of world division as established by Medieval Muslim scholars especially Hanafi School of Law who opined that the relation between Muslim territories (*dār al-Islām*) and Non-Muslim territories (*dār al-harb*) was continuous warfare until either they become muslims or dhimmīs. Whether this opinion still relevant to current world order is the main issue to be discussed in this article.*

## **Pengenalan**

Umat Islam telah ditinggalkan dengan khazanah ilmu dalam pelbagai bidang yang terdapat dalam kitab-kitab karangan ulama dan fuqaha' silam. Antara bidang yang telah disentuh dalam penulisan mereka ialah berkenaan dasar luar dan hubungan antarabangsa. Dalam mengemukakan teori dasar luar dan hubungan antarabangsa,

mereka turut terkesan dengan suasana politik, ekonomi dan sosial pada zaman mereka. Ini kerana al-Qur'an dan al-Sunnah tidak menjelaskan secara terperinci bagaimana dasar luar sesebuah negara perlu dikendalikan, sebaliknya penjelasan hanya dalam bentuk asas dan prinsip sahaja. Justeru, kebanyakannya teori yang diasaskan itu lebih meraikan suasana yang ada pada ketika itu.

Terdapat pengkaji seperti Majid Khadduri,<sup>1</sup> Faye A. Sayegh<sup>2</sup> dan Abū Ḥāmid Abū Sulaymān<sup>4</sup> menyatakan secara terus terang bahawa teori fiqh tradisional<sup>4</sup> berkenaan dasar luar tidak sesuai untuk diaplikasikan kini. Dalam persidangan "Islam dan Hubungan Antarabangsa" di Universiti Duke pada 1963, rata-rata perwakilan dalam persidangan itu menafikan pengaruh Islam dalam dasar luar dan kalau ada pun hanya sedikit sahaja.<sup>5</sup> Namun, bagi penulis tidak semua teori fiqh tersebut tidak sesuai tetapi sebahagiannya perlu untuk diperbaharui semula agar ia dapat memenuhi keperluan semasa.

### Asas Teori Tradisional Dasar Luar Islam

Para fuqaha' telah merangka teori dasar luar berdasarkan kepada beberapa asas yang mendasari teori mereka. Asas-asas ini merupakan kerangka utama yang menjadi panduan mereka dalam membentuk hubungan antarabangsa. Asas-asas tersebut ialah:

a. *Jihād Hujūmī* (Offensif) Asas dalam Hubungan dengan Bukan Islam

Semua fuqaha' bersepakat sekiranya negara Islam diserang maka orang Islam yang berada di dalam negara tersebut wajib (fardu ain) mempertahankannya.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun untuk menggerakkan tentera dengan tujuan memerangi orang kafir agar mereka memeluk Islam atau tunduk di bawah kekuasaan Islam, pandangan para ulama terbahagi kepada dua. *Fuqaha' mutaqaddimīn* berpendapat ia merupakan kewajipan fardu kifayah ke atas orang Islam<sup>7</sup> berdasarkan kepada ayat-ayat al-Qur'an yang menyuruh dan menggesa umat Islam agar melakukan serangan kepada orang kafir sehingga mereka tunduk kepada orang Islam.<sup>8</sup> Menurut Imām al-Shawkānī, berdasarkan pendapat jumhur kewajipan ini mestilah dilaksanakan sekurang-kurangnya setahun sekali.<sup>9</sup>

Mereka meletakkan asas hubungan antara orang Islam dengan bukan Islam adalah perang. Ini membawa pengertian jihad *hujūmī* atau offensif yang bermaksud orang Islam boleh memulakan perperangan dengan orang kafir. Berdasarkan kepada asas ini, dasar luar Islam mesti mengambil pendekatan perluasan ketenteraan. Walau bagaimana pun, kebanyakannya ulama semasa seperti Imām Abū Zuhrah, 'Abd al-Wahhāb al-Khallāf, Dr. Wahbah al-Zuhaylī, Şubḥī al-Mahmasānnī<sup>10</sup> dan lain-lain

berpandangan bahawa jihad yang diperintahkan adalah *jihād difā’ī* atau defensif iaitu jihad mengawal dan mempertahankan diri dari serangan musuh. Maka asas hubungan antara orang Islam dengan bukan Islam adalah aman hingga mereka yang memulakan perperangan dan memberikan ancaman terlebih dahulu kepada orang Islam. Teori ini berdasarkan kepada ayat-ayat al-Qur'an yang menggesa orang Islam memulakan hubungan baik dengan bukan Islam selagi mereka tidak memulakan perperangan dengan orang Islam.

Kecenderungan para *fuqaha’ mutaqaddimīn* dari semua mazhab mentafsirkan jihad dengan makna *hujumi* adalah disebabkan pada ketika itu negara Islam merupakan negara yang kuat dan orang Islam mendominasi sistem antarabangsa. Ini boleh dilihat melalui gaya bahasa yang mereka gunakan ketika menulis mengenai jihad dan *siyar*. Ketika orang Islam dan negara mereka mengalami zaman kemerosotan, para *fuqaha’* pula lebih cenderung untuk mentafsirkan hubungan dengan orang bukan Islam adalah aman.<sup>11</sup> Kedua-dua teori membawa haluan yang berbeza dalam mengemukakan teori hubungan antara orang Islam dan bukan Islam.

### b. Pembahagian Negara Kepada Tiga Kategori

Para *fuqaha’* telah membahagikan negara kepada tiga kategori. Pembahagian ini mengikut suasana zaman mereka kerana al-Qur'an dan al-Sunnah tidak menyebutnya secara jelas, sebaliknya ia merupakan ijtihad mereka berdasarkan kepada al-Qur'an, hadis dan sirah Rasulullah s.'a.w. Oleh itu, terdapat perselisihan pandangan di kalangan *fuqaha’* sendiri di dalam pembahagian ini dan di dalam mendefinisikan setiap kategori dari pembahagian ini.

Menurut Imām al-Syāfi‘ī, negara dibahagikan kepada *dār al-Islām*, *dār al-harb* dan *dār al-‘ahd* atau *al-sulh*.<sup>12</sup> Menurut Imām Abū Ḥanīfah pula, negara hanya dibahagikan kepada dua sahaja iaitu sama ada *dār al-Islām* atau *dār al-harb*.<sup>13</sup> Dalam mendefinisikan setiap satu pembahagian ini, terdapat pula pandangan yang berbeza di kalangan *fuqaha’* sendiri yang menyerlahkan lagi bahawa tiada di sana nas yang jelas tentang pembahagian ini. Walau bagaimanapun, secara amnya *dār al-Islām* ialah negara yang tunduk di bawah kekuasaan negara Islam, dilaksanakan hukum hakam dan syiar Islam serta didiami oleh orang Islam secara bebas dan aman.<sup>14</sup> Manakala *dār al-harb* pula adalah negara yang dikuasai oleh orang kafir dan memusuhi negara Islam serta mengancam kedaulatan dan keselamatan negara Islam. *Dār al-‘ahd* atau *al-sulh* ialah negara yang penduduknya mengadakan perdamaian dengan negara Islam dan tertakluk dengan perjanjian serta tunduk kepada negara Islam dengan memberi *jizyah*.<sup>15</sup>

Berdasarkan kepada klasifikasi ini, orang Islam berkewajipan mempertahankan tanah airnya sendiri dan berusaha mengubah *dār al-harb* menjadi *dār al-Islām* atau

sekurang-kurangnya tunduk kepada negara Islam. Metodologi dalam pengubahan ini mengikut pentafsiran *jihād hujūmī* yang menjadi pegangan *fuqaha' mutaqaddimīn*. Oleh sebab itu, Majid Khadduri, seorang orientalis, berkata bahawa Islam menjadikan orang bukan Islam sebagai objek dalam hubungan antarabangsa dan Islam itu sebagai subjek.<sup>16</sup> Apa pun, bagi penulis itu adalah hasil ijтиhad mereka kerana ketiadaan nas yang jelas dalam masalah ini. Oleh kerana asas politik antarabangsa telah pun berubah, maka ia perlu kepada pendefinisian baru terutamanya selepas kejatuhan Khilāfah 'Uthmāniyyah di Turki pada 1924.

### c. Kategori Orang Kafir

Islam membahagikan orang kafir kepada tiga kategori iaitu *kāfir ḥarbi*, *kāfir musta'man* dan *kāfir dhimmi*. Orang *kāfir ḥarbi* ialah orang kafir yang menjadi warganegara *dār al-harb* dan mereka bermusuhan dengan orang Islam. Kafir *musta'man* ialah orang kafir yang menjadi warganegara *dār al-sulh* atau *al-'ahd* dan *kāfir ḥarbi* yang memasuki negara Islam dengan tidak melanggar syarat yang ditetapkan. Mereka diberikan keamanan oleh orang dan kerajaan Islam dan tidak boleh diapa-apakan mereka selagi mana mereka tidak melanggar syarat dan peraturan yang ditetapkan. Orang *kāfir dhimmi* ialah orang kafir yang menjadi warganegara *dār al-Islām* dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Pembahagian ini adalah hasil daripada pembahagian negara kepada *dār al-Islām*, *dār al-harb* dan *dār al-'ahd*.

Dalam pembahagian yang lain, tanpa melihat kepada kategori negara, *fuqaha'* telah membahagikan mereka kepada tiga ahli kitab, bukan ahli kitab dan yang menyerupai ahli kitab.<sup>17</sup> Ahli kitab terdiri daripada Yahudi dan Nasrani, yang menyerupai ahli kitab iaitu Majusi dan selebihnya itu bukan daripada dua golongan ini. Pembahagian ini melihat kepada pemilikan kitab samawi dan ia mempunyai kesan fiqh, kerana setiap satu golongan mempunyai hukum yang berbeza. Dalam mengenal pasti dan membezakan antara orang Islam dengan bukan Islam, para *fuqaha'* lebih cenderung menggunakan pendekatan yang agak tegas. Mereka cuba membezakan antara orang Islam dengan *ahl al-dhimmah* dengan mengenakan tanda tertentu pada pakaian seperti lencana dan tali pinggang. Selain itu, mereka dikehendaki menyimpang di tepi jalan apabila bertembung dengan orang Islam.<sup>18</sup> Pendekatan ini adalah aplikasi daripada pentafsiran *jihad hujūmī* yang cenderung untuk menekan orang bukan Islam.

Ketiga-tiga perkara ini dijadikan asas oleh *fuqaha'* bagi mengemukakan dasar luar Islam. Dari sini kita dapatorientasi dasar luar mereka adalah orientasi yang proaktif dan bersifat perluasan. Ini adalah manifestasi daripada penguasaan negara Islam pada ketika itu terhadap sistem politik antarabangsa.

## **Fenomena Politik Antarabangsa Masa kini**

Politik antarabangsa pada zaman Rasulullah s.‘a.w dan zaman selepasnya agak berbeza dengan zaman kini. Perbezaan ini membawa kepada perbezaan dari sudut hukum kerana sesuatu hukum itu turut terkesan dengan keadaan. Antara fenomena politik antarabangsa masa kini ialah:

- i. Dunia kini telah pun dibahagi-bahagikan kepada negara-negara dan setiap negara memiliki pemerintahan sendiri yang berdaulat dan mempunyai sempadannya yang tersendiri. Semua negara termasuk negara Islam mengiktiraf hak dan kedaulatan ini yang dikawal oleh undang-undang antarabangsa.<sup>19</sup>
- ii. Pembahagian negara Islam kepada negara-negara kecil menjadikan negara Islam tidak dapat memberikan *walā'* kepada satu kepimpinan. Sebaliknya setiap negara memiliki kepimpinannya sendiri dan ia lebih menjaga kepentingan negaranya sendiri yang menyebabkan mereka sukar untuk bersepakat dalam sesuatu perkara. Sistem pemerintahan pula tidak sama antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain.
- iii. Rata-rata negara Islam merupakan negara yang miskin atau negara yang membangun. Meskipun kedapatan negara Islam yang kaya tetapi kekayaan mereka tidak membantu sepenuhnya untuk menaikkan survival umat Islam. Hasil mahsul negara Islam telah banyak dieksplotasi oleh kuasa luar dan orang bukan Islam.
- iv. Sistem politik dunia kini dikuasai oleh kuasa besar yang terdiri dari negara bukan Islam. Dalam banyak keadaan mereka telah bersikap *double standard* dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan umat Islam.
- v. Umat Islam telah menggunakan asas perdamaian dalam menjalinkan hubungan dengan negara bukan Islam dan kini mereka menerima piagam PBB yang diterima oleh semua negara. Khadduri berpendapat asas ini dipakai buat pertama kali dalam perjanjian antara Sultan Sulaymān al-Qānūnī dengan Raja Perancis pada tahun 1535M.<sup>20</sup>
- vi. Uslub diplomasi yang menekan lebih digunakan untuk memaksa negara kecil mematuhi negara besar melalui ancaman politik, ekonomi dan ketenteraan.

Keenam-enam perkara ini telah mengubah sistem politik dunia kepada suatu sistem politik yang benar-benar berbeza.<sup>21</sup> Apa yang berlaku pada zaman kegemilangan Islam dahulu adalah di sebalik lima perkara yang telah disebutkan tadi. Justeru, fenomena ini menuntut perbezaan dalam mengeluarkan hukum dan ahli usul fiqh ada menyebutkan bahawa “sesuatu hukum ditetapkan berdasarkan

kepada kewujudan ‘illah.<sup>22</sup>

## Aplikasi Teori Dasar Luar Islam dalam Politik Antarabangsa Kini

Apabila cuba disesuaikan fenomena politik antarabangsa kini dengan teori fiqh tradisional, kita mendapati kedua-duanya mempunyai asas yang berbeza. Teori fiqh yang dirumuskan oleh fuqaha’ di zaman kegemilangan Islam dahulu meraikan keadaan politik antarabangsa pada ketika itu. Justeru, tidak timbul soal menafikan kewibawaan mereka dalam merumuskan teori hubungan antarabangsa dan dasar luar negara sebagaimana yang dikemukakan oleh sebahagian pengkaji.<sup>23</sup> Di kesempatan ini, penulis cuba mengemukakan panduan kasar bagaimana dasar luar sesebuah negara perlu dikendalikan pada masa kini menurut pandangan Islam.<sup>24</sup>

### a. Asas Hubungan Antarabangsa

Hubungan antarabangsa dilakukan sama ada sesama orang Islam atau bukan Islam. Sekiranya hubungan ini sesama orang Islam, maka mestilah mengamalkan konsep *al-walā’* iaitu tolong menolong, berkasih sayang, hormat menghormati dan sebagainya. Perkara ini adalah jelas dan tidak timbul perbezaan pandangan antara ulamak.

Hubungan antarabangsa dengan bukan Islam sama ada dalam bentuk negara atau tidak, perlu didasari oleh pendekatan berbaik-baik dan berdamai berdasarkan kepada teori aman sebagai asas dalam hubungan ini. Penulis memilih pendekatan damai ini berdasarkan kepada agama Islam itu sendiri yang menggalakkan kepada keamanan dan kesejahteraan.<sup>25</sup> Oleh itu, menganggap perang sebagai asas dalam hubungan adalah sesuatu yang tidak sama dengan tabie Islam itu sendiri. Ini kerana, dakwah dapat dilakukan dalam keadaan aman melalui hujah-hujah yang bernes dan melalui pengamalan yang dilakukan oleh orang Islam. Sekiranya dilakukan dengan kekerasan, dikhuatiri akan berlaku paksaan dalam agama. Pandangan ini memilih pendekatan ulamak semasa yang mengaplikasikan jihad *difā’i* bersama bukan Islam dan pandangan ini bertentangan dengan pandangan *fuqaha’ mutaqaddimin* yang mengaplikasikan jihad *hujūmī*.

Seorang pengkaji, Sa‘id ‘Abd Allāh Ḥārīb al-Māhīrī cuba menyesuaikan dua pandangan yang berbeza dalam menentukan asas hubungan dengan bukan Islam. Beliau berpendapat bahawa asas hubungan antara negara Islam dan bukan Islam ialah matlamat yang ingin dicapai dari hubungan ini iaitu melihat tertegaknya Islam.<sup>26</sup> Penulis bersetuju dengan pandangan ini kerana matlamat besar dalam hubungan antara negara Islam dan bukan Islam ialah menyebarkan Islam sama ada ketika negara Islam lemah atau kuat. Penyebaran Islam pula mesti dilakukan dalam

semua keadaan cuma pendekatannya berbeza berdasarkan kepada keadaan. Cuma, bagi penulis ia sepatutnya dimulai dengan keadaan aman.

Justeru, dalam menggubal dasar luar, pendekatan berbaik-baik perlu diaplikasikan terlebih dahulu. Sekiranya berlaku ancaman dan tekanan barulah dasar luar yang offensif digunakan bagi mengawal dan mempertahankan diri diperkenalkan sedikit demi sedikit berdasarkan kepada ancaman dan bahaya yang diterima.

#### b. Status Negara Bukan Islam

Apabila kita meletakkan hubungan damai sebagai asas dalam hubungan dengan negara bukan Islam, maka kita mestilah cuba mewujudkan masyarakat antarabangsa yang bebas dari penindasan dan kezaliman. Dalam mengkategorikan jenis negara, penulis menerima pembahagian yang dibuat oleh fuqaha' kepada dua kategori lantaran perbezaan negara membawa kepada perbezaan hukum. Pembahagian ini penting untuk membezakan status antara negara Islam dan negara bukan Islam. Dalam dua pembahagian ini perlu kepada perincian. Ini kerana kedapatan negara bukan Islam yang boleh berbaik-baik dengan negara Islam dan kedapatan pula yang bersikap memusuhi Islam secara terang-terangan. Tidak kurang pula yang memusuhi Islam secara diam-diam.<sup>27</sup>

Dalam konteks perhubungan dengan negara bukan Islam, negara Islam perlu mengaplikasikan prinsip *equality of the state* yang lahir daripada kedaulatan yang dimiliki oleh sesebuah negara.<sup>28</sup> Persamaan ini juga menuntut untuk mengadakan persamaan dalam hak-hak yang lain seperti hak bersuara, hak dalam undang-undang dan sebagainya.<sup>29</sup> Ini kerana, mereka turut merupakan negara yang berdaulat yang perlu dihormati apatah lagi dalam suasana masyarakat antarabangsa menghormati kedaulatan yang dimiliki oleh sesebuah negara. Semua negara pada ketika ini secara amnya ingin hidup bersama-sama dalam keadaan yang tersusun. Mereka menjadikan piagam PBB sebagai asas untuk menyusun masyarakat antarabangsa dengan satu susunan yang sempurna walaupun diakui bahawa PBB gagal merealisasikan matlamat utama dari kewujudannya.<sup>30</sup>

Walau bagaimanapun, menurut al-Ghunaymi, piagam ini tidak bertentangan dengan Islam<sup>31</sup> tetapi ia telah digunakan oleh kuasa besar dunia untuk kepentingan mereka dan kadangkala membelakangi keputusan yang dibuat oleh PBB.<sup>32</sup> Ini tidak bermakna negara Islam mengambil dasar memboikot PBB kerana setakat ini PBB merupakan satu-satunya organisasi yang dapat menghimpunkan semua negara. Ini berdasarkan kepada prinsip ارتکاب أخف الضرر iaitu berpegang kepada salah satu dari dua perkara yang kurang mudaratnya. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keputusan PBB yang jelas bertentangan dengan kepentingan Islam, ia perlu

ditentang oleh negara-negara Islam.

Bagi negara yang berkemampuan pula, ia mesti mengambil dasar yang offensif ke atas pelaksanaan keputusan yang merugikan Islam dengan mengambil tindakan yang sesuai agar keputusan tersebut tidak dilaksanakan. Islam tidak terlepas dari mendapat tantangan dari musuhnya. Sekiranya terdapat negara yang memusuhi Islam secara terang-terangan seperti Israel maka negara Islam mestilah menunjukkan dasar yang jelas menentang mereka dan tidak mengadakan sebarang hubungan dengan mereka. Kepada negara yang tidak berterus terang, negara Islam perlu mengambil dasar berjaga-jaga dengan tindakan mereka bahkan perlu mendahului mereka dalam setiap tindakan dan dapat membentuk suasana, bukan dibentuk oleh suasana. Dengan mengenal pasti kedudukan sesebuah negara dan sikapnya terhadap Islam, negara Islam boleh menyusun dasar luarnya sejajar dengan kemampuan yang dimiliki.

### c. Orientasi Dasar Luar

Pada asasnya negara Islam mesti melaksanakan dasar luar yang aktif dalam politik antarabangsa guna mengetengahkan sistem Islam agar diterima dunia. Orientasi aktif ini bermaksud mengambil sikap mengembangkan Islam dan memastikan segala kepentingan Islam terjaga. Memang akan wujud pertembungan antara Islam dengan bukan Islam dan ini memerlukan kepada kebijaksanaan pemimpin negara Islam untuk menanganinya agar kelebihan berpihak kepada Islam. Melalui cara ini, orang Islam boleh berjihad berhadapan dengan orang kafir guna memastikan Islam dapat berkembang dengan baik. Jihad pula tidak semestinya dengan makna perang tetapi sebahagian daripada maknanya adalah perang.

Sekiranya keadaan negaranya tidak membenarkan ia bersikap aktif lantaran kekurangan dan kelemahan yang berlaku, maka pendekatan berkecuali merupakan pilihan yang terakhir. Adalah tidak wajar sama sekali memberi sokongan kepada orang bukan Islam untuk menentang Islam sama ada secara langsung atau tidak lantaran bersalah dengan prinsip *al-walā'* dan *al-barā'*.

## Kesimpulan

Islam memiliki perspektif tersendiri terhadap dasar luar negara yang agak berbeza dari perspektif biasa lantaran sifat Islam itu sendiri. Perbezaan yang sedikit ini boleh dilihat dari matlamat dan tindakan yang akan diambil. Meskipun matlamat akhir kedua-duanya ialah perluasan idea dan kuasa tetapi dari sudut tindakan, Islam memiliki peraturan tersendiri yang menjamin prinsip keadilan, kebebasan dan persamaan. Berdasarkan matlamat dan prinsip dasar luar Islam, negara Islam perlu

menyusun strategi yang ampuh guna berhadapan dengan sistem politik antarabangsa kini yang dikuasai oleh kuasa barat. Justeru, adalah penting untuk penggubal dasar luar Islam meneliti keadaan semasa dan menemukannya dengan teori dasar luar Islam agar satu set dasar luar yang sesuai dapat diaplikasikan. Ia juga perlu menerima realiti negara dan umat Islam pada masa kini yang rata-ratanya berada dalam keadaan yang lemah dan tidak mampu membentuk kuasa yang dominan dalam politik antarabangsa.

## Nota Hujung

1. Majid Khadduri, "The Islamic theory of international relations and its contemporary relevance," dalam *Islam and International Relations*, Harris Proctor (pnyt.), New York: Praeger, 1965, hlm. 33.
2. Fayed A. Sayegh, "Islam and neutralism," dalam *Islam and International Relations*, Harris Proctor (pnyt.), New York: Praeger, 1965, hlm. 91.
3. Abū Ḥamīd Abū Sulaymān, *al-Nazariyyah al-Islāmiyyah li al-‘Alāqat al-Duwaliyyah*, hlm. 64-66.
4. Penulis merujuk makna teori fiqh tradisional meminjam penggunaan Abū Ḥamīd Ahmād Abū Sulaymān yang merujuk maknanya kepada asas-asas fiqh yang telah dikemukakan oleh ulama silam. Ia adalah lawan kepada hasil ijtihad semasa yang dilakukan oleh ulama masa kini. Lihat tulisannya *al-Nazariyyah al-Islāmiyyah li al-‘Alāqat al-Duwaliyyah: ittijahāt jadidah li al-fikr wa al-minhajiyah al-Islāmiyyah*, Riyad: Matba‘ah Farizdaq al-Tijariyyah, 1993, hlm. 72.
5. Harris Proctor, *Islam and International Relations*, New York: Praeger, 1965, hlm. v.
6. Penulis menggunakan frasa "fuqaha" merujuk kepada ulama silam yang telah berjasa kepada Islam melalui usaha dan karangan mereka.
7. Ahmad bin Ahmād al-Qalyūbī dan Ahmād al-Barlāsī ‘Umayrah, *Hashiyatān*, jil 4, Beirut: Dār al-Fikr, 1995, hlm. 218; Ibn Qudāmah al-Maqdīsī, *al-Mughnī*, jil 12, al-Qāhirah: Dār al-Hadīth, 1996, hlm. 494; Abū Bakr Ibn al-Mas‘ūd al-Kāsānī, *Badā’i‘ al-Sanā’i‘*, jil 9, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997, hlm. 382.
8. Muhammād bin Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, jil 4, al-Qāhirah: Dār al-Misriyyah li al-Ta‘lif wa al-Turjumah, 1321H, hlm. 94; al-Qalyūbī dan ‘Umayrah, *Hashiyatān*, jil 4, hlm. 214; Ibn Qudamah al-Maqdīsī, *al-Mughnī*, jil 12, hlm. 521; al-Kāsānī, *Badā’i‘ al-Sanā’i‘*, jil 9, hlm. 392.
9. Antaranya al-Qur’ān, al-Tawbah 9:5 dan 29.
10. Al-Shawkānī, *Nayl al-Awtar*, jil 7, al-Qāhirah: Shirkah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, al-Qāhirah, 1961, hlm. 221; al-Qalyūbī dan ‘Umayrah, *Hashiyatān*, jil 4, hlm. 214; Ibn Qudamah al-Maqdīsī, *al-Mughnī*, jil 12, hlm. 497.
11. Muhammād Abū Zuhrah, *al-‘Alāqat al-Duwaliyyah fī al-Islām*, hlm. 47; ‘Abd al-Wahhāb al-Khallāf, *al-Siyāsah al-Shar‘iyah*, hlm. 82; al-Zuhaylī, *Athar al-Harb fī al-Fiqh al-Islāmī*, hlm. 131-132.
12. Sa‘id ‘Abd Allāh Hārib al-Māhirī, *al-‘Alāqat al-khārijiyah li al-dawlah al-Islāmiyyah: Dirāsah muqāranah*, Beirut: Muassasat al-Risālah, 1995, hlm. 41.
13. Muhammād bin Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, jil 4, hlm. 103-104. Ada pendapat yang menafikan pandangan Imam al-Shāfi‘ī ini kerana beliau tidak pernah menyebutnya secara khusus dan kalau ada pun beliau menyebut "Bilād ahl al-Šulh" yang tidak memberi erti negara. Lihat Ismā‘il Lutfī Faṭānī, *Ikhtilāf al-dārayn wa atharuh fī aḥkām al-munākahāt wa al-mu‘āmalat*, al-Qāhirah: Dār al-Salām, 1990, hlm. 51-53.

14. Dalam membahagikan kategori negara, beliau hanya menyebut dua negara sahaja. Lihat al-Kāsānī, *Badā'i' al-Sanā'i'*, jil 9, hlm. 519.
15. Al-Khallāf, *al-Siyāsah al-shar'iyyah*, hlm. 83., al-Zuhaylī, *Athar al-harb*, hlm. 169.
16. Ibn al-Qayyim, *Aḥkām ahl al-dhimmah*, jil 2, Beirut: Dār ‘Ilm li al-Malāyin, 1994, hlm. 475-490; al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, jil 4, hlm. 103-104; al-Zuhaylī, *Athar al-Harb*, hlm. 175.
17. Majid Khadduri, *The Islamic theory of international relations and its contemporary relevance*, hlm. 37.
18. Ibn Qudāmah al-Maqdīsī, *al-Mughnī*, jil 12, hlm. 524.
19. Al-Khatīb al-Sharbīnī, *al-Iqnā' fī hall alfāz abi shujā'*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jil 2, 1998, hlm. 540-541; al-Qalyūbī dan ‘Umayrah, *Hashiyatān*, hlm. 236.
20. Ḥamīd Sūltān, *Aḥkām al-qānūn al-dawli fī al-shari‘ah al-Islāmiyyah*, al-Qāhirah: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, 1987, hlm. 121.
21. Majid Khadduri, Muqaddimat al-qānūn al-dawli al-Islāmī, dalam *al-Qānūn al-dawli al-Islāmī*, hlm. 79.
22. Yūsuf al-Qaradāwī ada menyebut bahawa: “hukum yang berasaskan kepada maslahah ia akan berubah dan hukum yang berasaskan kepada ‘urf atau keadaan tidak boleh berterusan.” Yūsuf al-Qaradāwī, *Shari‘at al-Islām: khulūduhā wa salāhiyyatuhā li al-tatbiq fī kull zamān wa makkān*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1977, hlm. 127-128.
23. Wahbah al-Zuhaylī, *Usūl al-fiqh al-Islāmī*, hlm. 651.
24. Antaranya Abū Hāmid Abū Sulaymān di dalam bukunya *al-Nazariyyah al-Islāmiyyah li al-‘Alāqat al-dawliyyah*, hlm. 112-126.
25. Untuk menyediakan teori dasar luar Islam yang dapat menemukan antara ideal dan realiti memerlukan kepada kajian yang terperinci dan mendalam. Dikesempatan ini, penulis hanya dapat menyediakan panduan kasar dan asas utama dalam membentuk dasar luar Islam.
26. Antara ayat al-Qur'an yang menyuruh kepada keamanan ialah al-Nisā' 4: 90, al-Anfāl 8: 61, al-Mumtahanah 60 : 8-9.
27. Sa‘īd Ḥārīb al-Māhīrī, *al-‘Alāqat al-khārijīyyah li al-dawlah al-Islāmiyyah*, hlm. 41.
28. Dalam meletakkan nama kepada kategori ini, biarlah pada asasnya tidak menggambarkan hubungan yang tidak baik dengan mereka seperti *dār al-harb* yang membawa erti negara perang.
29. Dari sudut praktikalnya, sesetengah negara yang berketrampilan dan terkehadapan lebih berpotensi untuk menyelenggara urusan politik antarabangsa amnya. Ini kerana negara yang akan memegang jawatan penting di peringkat antarabangsa mestilah memiliki kelayakan tersendiri seperti kestabilan politik dan ekonomi.

30. 'Alī 'Alī Mansūr, *al-Shari'ah al-Islāmiyyah wa al-qānūn al-dawli al-'ām*, hlm. 181-182.
31. Ḥamīd Sultān, *Ahkām al-qānūn al-dawli fī al-shari'ah al-Islāmiyyah*, hlm. 144.
32. Mohammad Tal'at al-Ghunaymī, *The Muslim conception of international law & the western approach*, hlm. 199.
33. Ini adalah pengakuan bekas Setiausaha Agong PBB, Boutros Ghali. Lihat Yāsir Abū Shabanah, *al-Nizām al-dawli al-jadīd bayna al-wāqi' al-hāli wa al-taṣawwür al-Islāmī*, al-Qāhirah: Dār al-Salām, 1999, hlm. 49.